

**RETROSPEKTIF AL-RISĀLAH: FALSAFAH TARBIAH ISLAM DI SISI IBN ABĪ ZAYD AL-QAYRAWĀNĪ**, oleh Mohammad Syafiq Ismail. 2018. Angkatan Belia Islam Malaysia: Kuala Lumpur. Halaman 104. ISBN 978-967-2158-05-9

RETROSPEKTIF AL-RISĀLAH: FALSAFAH TARBIAH ISLAM DI SISI IBN ABĪ ZAYD AL-QAYRAWĀNĪ ditulis oleh Mohammad Syafiq Ismail yang merupakan seorang penyelidik dan aktivis yang kini menetap di Istanbul, Turki. Beliau menulis buku ini dengan tujuan berusaha menghubungkan tradisi keilmuan Islam dengan cabaran kontemporari, menjadikannya sebuah rujukan penting untuk pembaca yang berminat mendalami pendidikan Islam secara mendalam. Buku ini diterbitkan oleh ABIM Press, cabang penerbitan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), sempena Ijtimā' Haraki ke-5 dan Muktamar ABIM ke-46. Penulis asalnya memulakan kajian ini sebagai nota ringkas untuk bedah buku bersama teman-teman universiti pada tahun 2015, tetapi kemudian merasa terpanggil untuk mengembangkan kajian ini sebagai usaha awal dalam menyusun dan mengolah semula idea akidah dan falsafah pendidikan yang disampaikan oleh Ibn Abī Zayd. Selain itu, penulis ingin menggali kembali pengalaman peribadi dalam dunia pendidikan, yang terasa dekat dengan jiwa pendidik seperti Ibn Abī Zayd, seorang tokoh yang melihat pendidikan sebagai cara untuk menghidupkan jiwa dengan ilmu, bukan untuk meraih keuntungan material. Karya ini berusaha memperkenalkan falsafah tarbiah Islam melalui pemikiran ulama besar, Ibn Abī Zayd al-Qayrawānī, tokoh penting dalam tradisi Islam Maliki. Melalui kajian retrospektif, buku ini mengupas aspek pendidikan, akhlak dan intelektual, sambil menjelaskan relevansi konsep-konsep tersebut dalam konteks moden. Buku ini dilihat sesuai untuk semua lapisan masyarakat khususnya kepada golongan pendidik dan juga penuntut ilmu dalam bidang pendidikan Islam.

Kajian, penelitian dan pembacaan terhadap buku ini merupakan sesuatu yang penting kerana ianya mengkaji hubungkait ideologi akidah dan fasalah pendidikan Islam menurut seorang cendikiawan Islam yang hebat. Ianya merupakan sebuah usaha menjernihkan kembali matlamat utama pendidikan terhadap umat Islam pada masa kini seperti pendidikan yang disediakan kepada masyarakat terdahulu yang unggul pada ketika itu. Ibn Abī Zayd telah menyatakan dalam al-Risālah bahawa proses tarbiah ini perlu dilakukan secara menyeluruh, merangkumi aspek spiritual, moral dan intelektual. Beliau menekankan bahawa pendidikan adalah alat untuk menghidupkan jiwa dengan ilmu, bukan sekadar memenuhi tuntutan material. Tarbiah dalam pandangannya melibatkan hati, akal dan amal, di mana ilmu menjadi landasan utama untuk membimbing individu dan masyarakat ke arah kebaikan. Dalam al-Risālah, Ibn Abī Zayd juga menekankan keseimbangan antara kehidupan dunia dan akhirat, menjadikan pendidikan sebagai proses untuk melahirkan individu yang bertanggungjawab dan beradab. Justeru itu, kefahaman yang telah di tulis oleh Ibn Abī Zayd ini diyakini dapat memberikan sudut pandang yang jelas tentang hala tuju pendidikan Islam pada masa kini.

Usai meneliti tentang kepentingan ilmu, moral, intelektual murid pada masa akan datang, maka seseorang pendidik khususnya perlu mencari matlamat utama dalam mendidik, iaitu untuk memastikan manusia mendapat kebahagian didunia dan akhirat. Maka, dari matlamat yang jelas tersebut akan lahir kaedah-kaedah yang fleksibel bagi menerapkan konsep tarbiah yang sebenar dalam pendidikan, iaitu yang menjadikan umat manusia dibawa kembali melihat tujuan asal penciptaan mereka di atas muka bumi ini. Bukan sekadar makhluk hidup yang melata semata-mata namun menjadikan dunia sebagai medan menuai bakti dan beramal soleh agar mendapat kebahagian diakhirat iaitu syurga Allah swt. Hal ini selaras dengan apa yang telah di firmankan oleh Allah swt dalam surah al-Qasas ayat ke-77 yang bermaksud “*Dan carilah (pahala) negeri akhirat dengan apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu, tetapi janganlah kamu lupakan bahagianmu di dunia dan berbuatlah baik (kepada orang lain)*

*sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu, dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi. Sesungguhnya, Allah tidak menyukai orang yang berbuat kerosakan.*" Metodologi yang digunakan oleh penulis adalah sangat berhati-hati dan juga cermat. Penulis menghuraikan isi-isi penting di dalam buku ini secara mendalam sehingga mengambil rujukan-rujukan daripada sumber lain bagi menyokong huraian beliau. Kutipan yang dilakukan diletakkan di bahagian nota kaki serta terdapat sebahagiannya diselitkan huraian lanjutan di dalamnya. Buktinya, penulis menyatakan pada bahagian kata pengantar pengarang bahawa terdapat ratusan isyarat yang tersembunyi dan ianya disengajakan buat mereka (pembaca) yang sudi mencarinya di balik susun kata dan juga nota kaki. Selain itu, penulis juga menggunakan gambar rajah dalam menyatakan tentang teori-teori yang terkandung didalam buku ini. Contoh rajah berbentuk piramid diletakkan dalam buku ini untuk memberikan gambaran yang jelas kepada pembaca tentang teori keterlibatan Allah dalam proses tarbiah islamiah. Disamping itu, bagi memastikan penulisan buku ini dilakukan secara sistematik dan teratur penulis juga menyusun isi kandungan dalam bentuk nombor atau penomboran untuk membantu pembaca mengikuti alur penceritaan yang ingin disampaikan dengan baik dan jelas. Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa penulis benar-benar berusaha untuk menyampaikan kefahaman yang jelas tentang falsafah tarbiah Islam kepada pembaca buku ini.

Menerusi pembacaan buku ini, terdapat kaedah tarikan yang digunakan dalam buku ini yang diyakini mampu menarik minat para pembaca seperti, penulis meletakkan rujukan dalam pernyataan fakta dan juga huraian beliau. Hal ini di lihat dapat menambah lagi kepercayaan terhadap penulis tentang fakta yang dinyatakan dalam buku ini. Rujukan ini penting, khususnya kerana ianya berkaitan dengan perkara agama. Agama Islam menggalakkan umatnya agar mengambil berat tentang rujukan atau dikenali juga sebagai dalil sebelum mempercayai dan mengikuti sesuatu perkara. Dalam firman Allah swt surah al-Isra' ayat ke-36 yang bermaksud "*Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan tentangnya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati, semuanya itu akan diminta pertanggungan jawabnya.*" Oleh itu, pengulas menganggapkan bahawa penulis adalah seorang yang sangat mementingkan disiplin dalam keilmuannya, sehingga ianya menjadi satu nilai tambah dalam karya penulisan beliau.

Menjurus kepada pembahagian isi kandungan, penulis membahagi buku ini kepada lapan sub-topik besar. Walaubagaimanapun menurut pengulas, lapan sub-topik tersebut dapat dibahagikan kepada tiga bahagian. Pada bahagian yang pertama terkandung empat tajuk Muqaddimah (m/s 1-10). Kedua ialah Biodata Ibn Abī Zayd al-Qayrawani (m/s 11-14). Selepas itu, tajuk tentang al-Risalah karya Ibn Abī Zayd al-Qayrawani (m/s 15-20). Yang keempat bertajuk Falsafah tarbiah Islam (m/s 21-32). Di dalam keempat- empat tajuk tersebut penulis membawa pembaca untuk memahami terlebih dahulu tentang biodata Ibn Abī Zayd al-Qayrawani tentang karya beliau berjudul al-Risalah dan juga penerangan ringkas tentang falsafah tarbiah Islam secara umum. Setelah itu, terkandung dua tajuk iaitu Teks Muqaddimah Risalah Ibn Abī Zayd beserta terjemahan (m/s 33-36) dan Tarbiah Islamiah Di Sisi Ibn Abī Zayd (m/s 37-76) dalam pembahagian yang kedua. Pada bahagian ini, penulis mulai membawa pembaca masuk ke dalam diskusi isi buku ini dengan mendatangkan dahulu teks asal muqaddimah daripada kitab al-Risalah kemudian penulis menghuraikannya secara mendalam pada tajuk yang seterusnya itu. Bahagian ke-3 adalah di mana penulis mengakhiri penulisannya dengan menyatakan realiti pendidikan yang semakin membimbangkan bawah tajuk Islamisasi Ilmu: Esok Yang Tak Kunjung Tiba? (m/s 77-78) dan menulis Penutup (m/s 79-80) yang mengandungi pengajaran ringkas daripada keseluruhan isi kandungan buku ini.

Pada bahagian pertama iaitu Muqaddimah (m/s 1-10). Penulis menceritakan secara terperinci tentang konsep tarbiah, serta menyatakan beberapa fenomena-fenomena tragis di dalam pendidikan daripada pelbagai perspektif samada ianya perspektif Islam mahupun barat. Sebagai contoh, penulis menyunting pidato Malek Bennabi (1992M) bahawa misi umat Islam adalah untuk menyelamatkan kemanusiaan, dirinya dan juga orang lain yang disebut sebagai Inqadh. Namun, mutakhir ini umat Islam sendiri yang kurang yakin dengan misi ini kerana nilai-nilai baik agama telah dikaburi oleh banyak fenomena yang bertentangan dengannya dalam kalangan masyarakat (m/s7). Hal ini supaya pembaca dapat memahami kepentingan tarbiah dalam pendidikan dan juga mengetahui secara umum mengapa berlaku kelompongan dalam sistem pendidikan moden. Penulisan topik ini penting untuk menaikkan semangat inkuiri pembaca untuk mencari penyelesaian terhadap isu-isu tersebut mengikut sudut pandang Ibn Abī Zayd. Kedua ialah Biodata Ibn Abī Zayd al-Qayrawani (m/s 11-14). Penulis menceritakan biodata Ibn Abī Zayd sejak beliau lahir sehingga akhir hayatnya. Selepas itu, tajuk tentang al-Risalah karya Ibn Abī Zayd al-Qayrawani dan penulis juga sempat menyelitkan beberapa hasil karya beliau yang lainnya (m/s 15-20). Yang keempat bertajuk Falsafah tarbiah Islam, tujuan ditulis agar pembaca mengetahui secara umum terlebih dahulu. Ianya dikutip dari beberapa sudut pandang tokoh Islam yang lainnya (m/s 21-32). Ia dilihat penting supaya pembaca dapat melihat dengan lebih jelas selepas ini mengenai falsafah tarbiah Islam yang digariskan oleh Ibn Abī Zayd ini kerana terdapat beberapa persamaan dengan pandangan tokoh-tokoh Islam yang lainnya.

Seterusnya, bahagian kedua yang merangkumi dua tajuk iaitu Teks Muqaddimah Risalah Abī Zayd beserta terjemahan (m/s 33-36) dan Tarbiah Islamiah Di Sisi Abī Zayd (m/s 37-76). Pada bahagian ini, penulis membawa pembaca ke dalam perbahasan yang sebenar terhadap buku ini. Bahagian ini didahului dengan teks asal supaya pembaca mengenal bentuk asal yang ditulis oleh Ibn Abī Zayd sendiri juga beliau mendatangkan terjemahan agar mudah difahami secara literal oleh pembaca. Seterusnya, penulis memulakan perbahasan dan huraiannya secara mendalam bawah tajuk Tarbiah Islam Di Sisi Ibn Abī Zayd yang mana mempunyai dua perbincangan besar iaitu Tiga Unsur Kerja Tarbiah iaitu (الإ يصل) menyampaikan, (الخير) kebaikan, dan makna (القلب) hati daripada petikan Ibn Abī Zayd dan teori Tiga Segi Tarbiah Keterlibatan Allah, Guru dan Murid. Menurutnya yang membezakan tarbiah Islam dengan yang lainnya ialah wujudnya keterlibatan Allah dalam proses tarbiah tersebut bukan hanya dua golongan sahaja guru kepada murid. Bahagian ini adalah sangat penting kepada pembaca supaya dapat mengembara kedalam kefahaman penulis terhadap karya Ibn Abī Zayd. Kesimpulannya, pada bahagian ini para pembaca dapat melihat falsafah tarbiah Islam menurut Ibn Abī Zayd adalah holistik yang merangkumi pendidikan akidah dan syariat diusia muda, pembentukan akhlak yang mulia, dan mesti mengintergrasi iman dengan amal.

Berikutnya adalah bahagian terakhir bawah tajuk Islamisasi Ilmu: Esok Yang Tak Kunjung Tiba? (m/s 77-78) dan Penutup (m/s 79-80). Penulis menceritakan kepentingan menghubungkan sudut pandang agama dalam segenap aspek kehidupan moden yang kian hari semakin hilang. Tambahan lagi, usaha untuk ke arah mengislamisasikan ilmu-ilmu yang ada kini terganggu kerana wujud beberapa cabaran dan permasalahan seperti kewujudan tafsiran agama yang bersifat totalitari, demokrasi ilmu yang tidak terkawal dan lain-lain. Tajuk Islamisasi Ilmu: Esok Yang Tak Kunjung Tiba? Penting supaya pembaca sedar akan perkara yang berlaku dan tindakan apa yang perlu dilakukan oleh umat Islam pada saat ini untuk mengembalikan ketamadunan umat Islam yang unggul. Ianya dinyatakan dengan jelas pada tajuk penutup bahawa kita perlu memperbetulkan manusia dengan ilmu fikriah dan beramal dengan akhlak yang baik. Penulis sempat menyatakan harapannya supaya benar-benar berpegang kepada Islam dalam menghadapi segala liku cabaran pada masa kini serta tidak lupa

untuk saling berkongsi ilmu yang sedia ada kepada masyarakat agar hasrat mengembalikan umat Islam kepada pengabdian diri kepada Allah dapat dicapai bersama.

Buku ini mempunyai kelebihan yang ketara dalam cara penulis menyampaikan analisis yang mendalam kepada pembaca. Penulis dengan bijak menghubungkan konsep-konsep klasik yang diketengahkan dalam al-Risālah dengan cabaran semasa dalam pendidikan, menjadikan idea-idea lama ini relevan dan signifikan untuk kehidupan moden. Selain itu, gaya penulisan yang teratur memudahkan pembaca untuk mengikuti alur perbincangan, manakala penggunaan sumber-sumber yang berautoriti memperkuuhkan hujah dan perbincangan yang disampaikan. Dengan gabungan ini, buku ini tidak hanya berfungsi sebagai sebuah karya akademik, tetapi juga sebagai panduan praktikal untuk mendalami falsafah pendidikan Islam. Namun di sini, pengulas mencadangkan penambahbaikan bagi membantu pembaca untuk lebih memahami ayat yang disampaikan. Dicadangkan agar menggunakan laras bahasa yang lebih rendah sedikit dan menyatakan isi-isi dalam bentuk *point* agar ianya dapat difahami dengan lebih mudah oleh segenap lapisan masyarakat.

Terdapat sebuah pengalaman pembacaan yang menarik setelah menalaah buku ini apabila penulis menyatakan tujuh sikap guru menurut Ibn Abi Zayd al-Qayrawani menuntun para guru pada masa kini untuk bermuhasabah, merenung diri adakah terdapat sifat-sifat seperti suka akan ganjaran pahala, menyertakan sikap bertawakkal dalam mendidik atau kesedaran untuk mengingatkan dan menyedarkan terhadap murid. Penerangan ini amat penting seperti peribahasa melayu menyatakan apa yang kita tanam, itulah yang kita tuai. Begitu juga dengan seorang guru, sekiranya mereka jauh hubungannya dengan Allah maka tidak akan sesekali berhasil untuk membimbing muridnya kepada Allah (m/s 50). Selain itu, di akhir buku ini penulis membawa semula pembaca agar melakukan tindakan atas penerangan panjang beliau supaya ianya tidak terhenti sekadar mengetahui sahaja. Namun, ilmu pengetahuan yang diberikan haruslah di amalkan dan kesedaran yang diberikan haruslah berakhir dengan melaksanakan tindakan perubahan oleh setiap pembaca (m/s 80). Sejarah Islam yang telah melakar bahawa pendidikan yang berdasarkan tauhid yang kukuh dalam diri seseorang dapat melahirkan insan yang mempunyai jati diri yang unggul. Oleh yang demikian, kekurangan yang ada pada pendidikan Islam kita pada hari ini bukan dek kecacatan dan ketidaksempurnaan pendidikan tersebut, namun ianya berlaku kerana kesamaran dalam mengenali matlamat utama dalam proses mendidik tersebut. Semoga ulasan ini dapat memberi penjelasan dan mendorong kita untuk memahami konsep tarbiah dalam Islam yang sebenar dan mengamalkannya.